

Kecewa dgn persembaha pesilat2 dalam demonstrasi

15 AUG 1981 PENCAK SILAT

BULAN lalu saya berpeluang menyaksikan suatu pesta seni mempertahankan diri yang diadakan selama dua malam — 24 dan 25 Julai — anjuran Persatuan Instruktur-instruktur Seni Mempertahankan Diri Singapura, di Gay World.

Melalui ruangan ini saya ingin membuat beberapa teguran terhadap kumpulan-kumpulan silat Melayu yang menyertai pertunjukan tersebut.

Sebanyak tiga badan silat Melayu ikut serta dalam pertunjukan itu — Silat Gayong Perwanit, Silat Kuningan dan Silat Esha Setiahati.

Saya puji keberanian para peserta yang mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut yang boleh juga dianggap sebagai pertunjukan antarabangsa.

Malangnya, banyak hal yang kurang baik timbul dari penyertaan pesilat-pesilat Melayu itu.

Saya ingin tahu bagaimanakah tiga persatuan silat itu saja yang mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut?

Ke manakah perginya badan-badan kerabat seni silat yang lain dari Persisi?

Apa pula tujuan tiga persatuan silat Melayu yang berkenaan menyertai pertunjukan seni mempertahankan diri itu? Adakah mereka ingin mendapatkan nama atau untuk menunjukkan kehandalan atau keberanian mereka saja?

Setelah menyaksikan pada keseluruhannya persembahan para peserta dari ketiga-tiga persatuan silat Melayu itu saya ingin menyarankan supaya mereka meninggikan lagi taraf seni silat mereka agar setaraf dengan seni mempertahankan diri kaum-kaum lain yang jauh lebih baik dari apa

yang ditunjukkan oleh tiga buah badan Melayu itu dalam demonstrasi tersebut.

Kita tidak dapat menafikan apa yang dipersembahkan oleh pesilat-pesilat kita dalam pertunjukan dua malam itu tidak lebih dari hanya menjadi bahan ketawa. Ini sungguh mengecewakan.

Oleh itu saya sarankan kepada badan-badan tersebut supaya memperdalam lagi seni silat mereka supaya setaraf dengan seni mempertahankan diri orang lain.

Harinah,
Singapura 0923.

15 pesilat wanita dlm barisan 65 petanding

26 AUG 1981

SERAMAI 65 orang pesilat — termasuk 15 orang pesilat wanita — akan menyertai pertandingan silat kebangsaan anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) pada 28 dan 29 Ogos ini di Dewan Badminton, Guillemard Road.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, menerangkan bahawa pertandingan tahun ini adalah untuk kejohanan individu dan ia mengikut kelas berat peserta.

Peserta-peserta pertandingan ini terdiri dari anggota-anggota badan kerabat Persisi dan dijalankan

sebagai satu kegiatan sukan dengan mengemukakan seni membela diri ini sebagai satu cabang olahraga.

Di samping pertandingan kebangsaan, satu rombongan dari Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) dan Majlis Silat Malaysia akan diundang mengadakan pertunjukan mereka dalam pesta itu.

Kali pertama

Selain dari itu, pegawai-pegawai dari IPSI juga akan menyampaikan ceramah kepada para guru silat di sini mengenai pengadilan pertandingan silat olahraga dan sebagainya.

Ini adalah kali pertama usaha

seperti ini dijalankan di sini dan Persisi menggesa semua guru silat tempatan mengambil kesempatan ini untuk menyertai ceramah itu.

Di samping itu, satu perbincangan mengenai perkembangan seni silat rantau ini juga akan diadakan antara pegawai-pegawai dari Persisi, IPSI dan Majlis Silat Malaysia pada 30 Ogos ini.

Bagi pertandingan silat kebangsaan, tiket-tiket berharga \$3 dan \$2 boleh didapati dari kedai buku Haji Hashim di Arab Street dan Geylang Serai dan dari semua kerabat dan pegawai-pegawai Persisi dan juga dari Encik-necik Jaafar Haji Yacob (tel: 4424669) dan Ismaon Haji Ali (tel: 2204541).